

02 OCT 2001

Brunei-Ijazah

SULTAN BRUNEI DIANUGERAHI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH KEHORMAT OLEH UIAM

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah dianugerahi ijazah doktor falsafah kehormat sains politik oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada majlis konvokesyen khas di sini hari ini.

Baginda menerima ijazah itu pada hari kedua dalam rangka lawatan tiga harinya ke Malaysia bagi rundingan tahunan kelimanya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berlangsung semalam.

Sultan Hassanal Bolkiah dianugerahi ijazah doktor falsafah itu oleh ketua perlembagaan UIAM, Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah bagi sumbangan baginda terhadap pembangunan UIAM dan umat Islam secara umumnya.

Ketika berucap, Sultan Ahmad Shah berkata anugerah itu sebagai pengiktirafan terhadap begitu banyak sumbangan Raja Brunei terhadap pemuliharaan integriti Islam, pembangunan kerohanian dan intelektual orang Islam dan penggalakkan kewujudan bersama antara manusia.

"Ia juga sebagai mengiktiraf semangat muhibah dan setiakawan antara UIAM dan Brunei Darussalam," kata baginda.

Dalam ucapan balas baginda, Sultan Hassanal Bolkiah berkata penghormatan itu bukan hanya untuk baginda sahaja malahan juga bagi rakyat Brunei.

Baginda berkata UIAM dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) patut menjalin kerjasama lebih rapat bagi manfaat bersama.

Sultan Brunei turut melahirkan harapan bahawa Malaysia dan Brunei akan terus menikmati keamanan, kemakmuran dan kestabilan, dan akan sentiasa mengikuti perubahan yang berlaku tanpa mengorbankan nilai-nilai murni mereka.

Kedua-dua univerisiti itu juga menandatangani memorandum persefahaman bagi meningkatkan lagi skop dan rangkaian bidang akademik mereka.

Ini termasuk pertukaran tenaga pengajar, penyelidikan bersama, pertukaran bahan perpustakaan, kemasukan pelajar lepasan ijazah dan pertukaran kakitangan perpustakaan, pentadbiran dan kakitangan lain.

Dokumen itu ditandatangani oleh rektor UIAM Professor Dr Mohamed Kamal Hassan manakala UBD diwakili naib cancelornya Datuk Paduka Seri Setia Professor Dr Mahmud Saedon Awang Othman.

-- BERNAMA

MAM AHH RHM